

15/04/2002

PM setuju pesalah sumbang mahram disebat

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

BANGI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bersetuju supaya hukuman lebih berat dilaksanakan terhadap pesalah kes sumbang mahram, kerana jenayah itu dianggap sebagai sesuatu perbuatan yang amat keji.

Malah Perdana Menteri berkata, beliau ingin melihat pesalah berkenaan disebat di hadapan khalayak ramai supaya dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat terhadap jenayah berat itu.

"Saya setuju kita kenakan hukuman berat kepada pesalah ini. Saya sendiri, kalau boleh, nak lihat pesalah ini ditibai (dirotan) di depan khalayak ramai," katanya ketika menutup Kursus Perdana Generasi Wanita Prihatin anjuran Puteri Umno di Dewan Serbaguna Unites di sini hari ini.

Kabinet sebelum ini mengarahkan supaya satu kajian dibuat bagi melaksanakan hukuman lebih berat terhadap pesalah kes rogol kanak-kanak dan sumbang mahram.

Ini berikutan cadangan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyatakan pesalah rogol kanak-kanak dan sumbang mahram dikenakan hukuman minimum yang lebih berat kerana jenayah itu tidak boleh dimaafkan serta tidak boleh dirayu supaya hukuman diringankan.

Hukuman bagi semua kesalahan rogol kini mengikut Seksyen 376 dan 376A Kanun Keseksaan. Seksyen 376 memperuntukkan hukuman penjara minimum lima tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan sebat manakala 376A memperuntukkan hukuman penjara minimum enam tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan minimum enam sebatan sehingga 24 sebatan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, hukuman yang berat masih tidak dapat memastikan jenayah sumbang mahram dapat dikurangkan kerana apa yang penting ialah didikan nilai murni dalam kehidupan perlu diterapkan kepada generasi muda.

"Apa yang lebih penting ialah kita mendidik anak-anak supaya tahu perasaan malu. Didikan ini penting kerana apabila ada perasaan malu, ia dengan sendiri akan membendung nafsu daripada bertindak di luar kebiasaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, wanita memainkan peranan utama dalam memberi didikan sempurna mengenai nilai murni kehidupan kepada anak-anak muda.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa sedih dan malu kerana kebanyakan kes sumbang mahram berlaku di kalangan masyarakat Melayu.

Pada masa yang sama, beliau juga menegur cara ajaran agama yang hanya terlalu tertumpu kepada amalan ibadat sehingga mengabaikan kepentingan penjelasan bagi kebaikan dan keburukan sesuatu perbuatan.

"Selain didikan di rumah, ajaran agama juga kini tidak menekankan kepada kebaikan dan keburukan sesuatu perbuatan. Ramai yang hanya mengajar amalan ibadat untuk akhirat saja," katanya.

Dr Mahathir berkata, adalah menjadi tanggungjawab generasi baru untuk berusaha membentuk budaya Melayu yang rajin, amanah, tahu perasaan malu dan tidak dipengaruhi oleh nafsu semata-mata.

Untuk itu, beliau berkata, Puteri Umno mempunyai tanggungjawab dan peranan besar dalam mengubah sikap generasi muda Melayu supaya dapat bersama-sama dalam mencapai kemajuan dalam pembangunan negara.

Pada majlis berkenaan, Pengerusi Biro Perundangan, Wan Azliana Wan Adnan turut menyerahkan memorandum Puteri Umno Malaysia kepada Dr Mahathir dalam usaha menentang gejala sumbang mahram dan jenayah seksual ke atas wanita

dan kanak-kanak.

Memorandum itu meminta kerajaan menyemak semula Seksyen 376 Kanun Keseksaan bagi menimbang hukuman yang lebih berat kepada kesalahan jenayah seks di samping mencadangkan agar pesalah berkenaan diberikan rawatan terperinci ketika menjalankan hukuman penjara.

Pada masa yang sama, Puteri juga mendesak supaya takrif sumbang mahram diperluaskan kepada anak angkat yang diambil secara sah dan juga kepada mereka yang diamanahkan sebagai penjaga.

Dr Mahathir turut mengadakan sesi dialog bersama lebih daripada 1,000 peserta kursus berkenaan.

(END)